



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### ISU PERUNTUKAN ELAUN UNTUK PELAJAR LATIHAN INDUSTRI (*INTERNSHIP*)

---

Pembayaran elaun latihan industri kepada pelatih industri di sektor swasta adalah bergantung kepada polisi yang ditetapkan oleh syarikat serta berdasarkan kemampuan kewangan syarikat. Akta Kerja 1955 tidak memberi peruntukan khusus mengenai pembayaran elaun latihan industri di sektor swasta kerana pelatih industri bukan dikategorikan sebagai pekerja di bawah Akta Kerja 1955.

Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedar akan isu penting ini. KSM akan meneliti dan membuat pertimbangan secara menyeluruh serta mengambil tindakan yang sesuai dengan mengambil kira pandangan dan keperluan pihak-pihak yang terlibat, termasuk pelatih industri dan pihak industri di sektor swasta.

Kerajaan masih belum mewujudkan polisi atau garis panduan mengenai elaun latihan industri untuk syarikat swasta. Ini adalah isu kompleks yang memerlukan kajian dan perundingan yang mendalam dengan pelbagai pihak berkepentingan, terutama Kementerian Pendidikan Tinggi. Kerajaan komited untuk memastikan semua pelatih, tidak kira mereka di sektor awam atau swasta, mendapat layanan yang adil dan saksama. Jika perlu, Kerajaan akan mewujudkan garis panduan yang jelas dan terperinci mengenai pembayaran elaun latihan industri/praktikal di sektor swasta.

Saya bersetuju dengan kenyataan oleh YAB Perdana Menteri, mengenai pengurusan penetapan elaun bagi pelajar latihan industri yang bergantung kepada majikan atau

syarikat swasta. Beliau juga turut menyarankan agar majikan atau syarikat swasta yang mengambil pelajar ini, diberi elaun sara hidup sebagai sumbangan atau bantuan kepada pelajar.

Selari dengan itu, Kementerian Sumber Manusia menyarankan para majikan atau syarikat swasta yang terlibat dengan pengambilan pelajar (pelatih industri) ini untuk melihat beberapa alternatif lain dalam membantu pelajar yang kurang berkemampuan seperti menyediakan penginapan, penyediaan makanan, pengangkutan dan sebagainya bagi meringankan bebanan pelajar ini selain pemberian elaun.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**23 JUN 2023**